

# Nur Ismazatul

satukan mahasiswa,  
pentadbiran



SISWI PILIHAN

**Serdang:** Kesediaan Nur Ismazatul Husna Ismail menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) selama dua tahun berturut-turut didorong oleh sifat kepemimpinan dan rasa tanggungjawab dalam menyatukan mahasiswa dan bahagian pentadbiran universiti.

Jawatan Timbalan Naib Yang Dipertua Media dan Perhubungan UPM yang disandang kini dimanfaatkan sebaiknya bagi melaksanakan pelbagai program suka-relawan, kepemimpinan dan motivasi yang akhirnya turut memberi impak kepada kelompok masyarakat berkaitan.

Cabaran dalam melaksanakan amanah sebagai pemimpin mahasiswa mematangkan dirinya, antara lain, melatih diri bekerja dalam pasukan serta membahagikan masa dengan bijak bagi memastikan kecermerlangan akademik serta aktif dalam pelaksanaan pelbagai program pembangunan pelajar.

## PROFIL

**Nur Ismazatul Husna Ismail**

**Umur:** 24 tahun

**Asal:** Alor Setar, Kedah

**Pengajian:** Bachelor Sains (Sains Bahan), UPM

**Pembabitan kokurikulum:**

- Pengarah Bersama Sidang Kemuncak Kepemimpinan dan Aspirasi Negara 2016
- Ahli Jawatankuasa Tertinggi Perhubungan Luar Sekretariat Rakan Muda UPM
- EXCO Perhubungan Luar Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains
- Ahli Jawatankuasa program Sit-In Universiti Negeri Yogyakarta- UPM